

BERITA HARIAN

DATE: 6 / 12 / 2007

Dr M gembira Lima 2007 jadi tumpuan

BERITA HARIAN - 6/12/2007
EKAS Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad gembira kerana Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (Lima 2007) yang sedang berlangsung menunjukkan kemajuan dan semakin popular di kalangan industri udara dan maritim antarabangsa.

Dr Mahathir yang semakin sihat selepas menjalani pembedahan jantung beberapa bulan lalu, berkata demikian ketika mengunjungi Lima 2007.

Beliau bersama isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali meluangkan masa melawat pameran Lima 2007 pada hari kedua diadakan di Dewan Pameran Antarabangsa Mahsuri, di sini.

Dr Mahathir yang segar berpakaian kemeja petak berwarna merah kelihatan ceria sambil diiringi isterinya meluangkan masa menonton pertunjukan aerobatik pesawat pejuang Sukhoi SU-30MKM, MiG 29N dan Hornet F111.

"Saya nampak penganjuran Lima kali ini semakin popular dan penyertaan syarikat tempatan dan luar negara serta kehadiran pesawat pejuang dan komersial juga bertambah.

"Saya harap pameran seperti ini akan terus menjadi satu acara yang menjadi kebanggaan seluruh rakyat Malaysia," katanya.

Dr Mahathir turut berpuas hati dengan penganjuran Lima 2007 kerana mendapat sambutan menggalakkan.

"Malah, ada pihak hotel di sini meminta supaya pameran seperti ini terus diadakan," katanya.